



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SPS LINDUNG DI BAWAH SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS)

1. TUJUAN

1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan panduan mengenai tatacara pelaksanaan SPS Lindung iaitu **bantuan kerajaan** bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)**, **PERKESO** kepada kumpulan sasaran Orang Bekerja Sendiri (OBS).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pembentangan Belanjawan 2021 yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan pada 6 November 2020 telah memperuntukkan dana sebanyak RM24 juta untuk pembiayaan bayaran caruman perlindungan SKSPS yang dikhatusukan kepada empat (4) kategori kumpulan sasar seperti di dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Kumpulan Sasaran SPS Lindung

Kategori	Kumpulan Sasaran	Jumlah Sasaran OBS
1.	Anggota Pasukan Sukarelawan i. Anggota Tentera ii. Anggota Simpanan Polis iii. Anggota Pertahanan Awam Malaysia iv. Anggota Maritim	60,000 orang
2.	Guru Takmir, Noja, Siak, Imam, Bilal dan Merbut	
3.	Anggota Sektor Awam berstatus Contract For Service	
4.	<i>Delivery Riders</i>	40,000 orang

2.2 Fokus Belanjawan 2021 ini adalah untuk membantu pekerja di dalam sektor informal mendepani cabaran semasa, khususnya golongan yang terkesan dan berisiko serta petugas barisan hadapan.

2.3 SPS Lindung ini adalah bantuan Kerajaan bersasar kepada kumpulan OBS dan merupakan pakej penambahbaikan ke atas inisiatif Penjana Gig sedia ada.

3. PEMAKAIAN

3.1 Terdapat empat (4) jenis pelan pilihan caruman SKSPS seperti di dalam **Jadual 2** berikut:

Jadual 2 : Pelan Pilihan Caruman SKSPS

Pelan Pilihan	Pendapatan Diinsuranskan	Caruman Bulanan	Caruman Tahunan
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

- 3.2 Pelan caruman yang disediakan di bawah SPS Lindung ini adalah pelan pilihan caruman ke 2 iaitu RM232.80 setahun. Pelan caruman ini ditetapkan kepada kumpulan sasar di dalam **kategori 1, 2, dan 4 seperti Jadual 1** di atas.
- 3.3 Manakala pelan pilihan caruman ke 4 di tetapkan kepada kumpulan sasar di **kategori 3 Jadual 1** di atas, iaitu RM 592.80 setahun.
- 3.4 Bantuan inisiatif ini berbentuk pembiayaan bayaran penuh (100%) caruman SKSPS oleh pihak Kerajaan.
- 3.5 Syarat Kelayakan untuk membolehkan OBS menyertai SPS Lindung ini adalah seperti berikut;
- bertaraf warganegara Malaysia / permastautin tetap
 - tanpa mengira had umur
 - OBS bekerja sendiri di bawah kategori yang dinyatakan di dalam **Jadual 1**
 - bekerja sepenuh masa atau separuh masa
 - OBS bekerja di Malaysia.

- 3.6 Sekiranya mana-mana OBS yang melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor, mereka dibenarkan menyertai SPS Lindung ini lebih daripada satu dengan syarat sektor yang disertai OBS adalah juga disenaraikan di bawah **Jadual 1** di atas.
- 3.7 Faedah yang disediakan di bawah SPS Lindung ini adalah seperti di **Jadual 3** berikut:

Jadual 3 : Faedah Perlindungan SPS Lindung

Jenis Faedah	Manfaat Diperolehi
Faedah Perubatan	Bayaran percuma di mana-mana klinik panel PERKESO atau hospital Kerajaan
Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	Bayaran sebanyak RM41.33 sehari (80% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan)
Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)	Kadar 90% daripada pelan pendapatan yang diinsuranskan dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.
Faedah Orang Tanggungan	Bayaran sebanyak RM1,395 sebulan sepanjang hayat (90% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan)
Elaun Layanan Sentiasa	Bayaran RM500 sebulan kepada OBS yang tidak berdaya akibat bencana pekerjaan sehingga memerlukan layanan oleh orang lain.
Faedah Pengurusan Mayat	Bayaran sebanyak RM2,000 kepada orang tanggungan OBS
Faedah Pinjaman Pendidikan	Faedah berbentuk pinjaman kepada anak OBS yang layak

Jenis Faedah	Manfaat Diperolehi
Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional	Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional secara percuma seperti fisioterapi, anggota tiruan, kerusi roda dan kursus/latihan kemahiran

*Sampel di atas merujuk kepada faedah di bawah pelan caruman RM 232.80

3.8 Permohonan untuk menyertai SPS Lindung boleh dibuat seperti dinyatakan di dalam **Jadual 4** berikut;

Jadual 4 : Kaedah Permohonan SPS Lindung.

Kategori	Kumpulan Sasaran	Kaedah Permohonan
1.	Anggota Sukarelawan Pasukan	Senarai Dikemukakan oleh Kementerian/ Agensi Berkaitan
2.	Guru Takmir, Noja, Siak, Imam, Bilal dan Merbut	Sama di atas
3.	Anggota Sektor Awam berstatus <i>Contract For Service</i>	Sama di atas
4.	<i>Delivery Riders</i>	Permohonan boleh dibuat terus kepada pejabat PERKESO atau melalui Platform Penyedia Perkhidmatan masing-masing

- 3.9 Dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran SPS Lindung di bawah pakej Belanjawan 2021 ini adalah seperti berikut:
- i. salinan kad pengenalan
 - ii. surat pelantikan / pengesahan kerja - untuk pekerja khidmat awam Kerajaan (*contract for service*) / Anggota Sukarelawan / Guru Takhmir/ Imam/ Bilal/ Siak/ Noja/ Merbut
 - iii. **profil ID** OBS dengan Platform Penyedia Perkhidmatan atau surat pengesahan sebagai delivery riders daripada pengesah yang dibenarkan
 - iv. salinan lesen motosikal
- 3.10 OBS boleh membuat semakan kelayakan atau kelulusan penyertaan program ini melalui dengan kaedah berikut;
- i. semakan kelayakan permohonan di 54 buah kaunter pejabat PERKESO di seluruh Negara
 - ii. Berhubung terus dengan pegawai Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1300-22-8000
 - iii. OBS yang berjaya menyertai program SPS Lindung ini akan menerima notifikasi pengesahan penyertaan melalui emel.
- 3.11 Tarikh berkuatkuasa SPS Lindung adalah **mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021**.
- 3.12 Tarikh bermulanya perlindungan OBS yang menyertai skim ini adalah tertakluk kepada tarikh dan masa pendaftaran yang disahkan oleh pihak PERKESO serta status perlindungan aktif OBS berkenaan. Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan.

- 3.13 Penerimaan bayaran caruman adalah merujuk kepada Tatacara Mengendalikan Terimaan Bayaran Caruman Skim Keslamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah Arahan Kewangan Bil. 2/2017.

4. KUASA MELULUS

- 4.1 Kuasa bagi meluluskan permohonan penyertaan SPS Lindung di bawah pakej Belanjawan 2021 ini adalah tertakluk kepada kuasa memperaku dan meluluskan oleh Ketua Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri atau Pegawai Tadbir Skim Pekerjaan Sendiri atau pegawai yang diberi kuasa.
- 4.2 Kuasa dan had kuasa bagi melulus baucar bayaran, kuasa menerima wang, kuasa menyediakan dan membatalkan resit rasmi bagi Bahagian SPS, pejabat Negeri dan pejabat PERKESO di bawah Akta 4 adalah turut terpakai bagi pelaksanaan terimaan bayaran caruman serta hendaklah mengikut proses dan prosedur kewangan yang sedia ada.
- 4.3 Sebarang perubahan pada kuasa dan had kuasa sedia ada bagi menyesuaikannya dengan pelaksanaan terimaan bayaran caruman bagi program ini akan dibuat pindaan dari semasa ke semasa, sekiranya perlu.

5. KEMUSYKILAN

- 5.1 Sebarang kemosykilan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Tatacara Pengoperasian program ini, boleh dirujuk kepada Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri, Ibu Pejabat PERKESO.
- 5.2 Manakala sebarang kemosykilan yang berkaitan dengan pengurusan pembayaran, boleh merujuk kepada Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat PERKESO.


6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan SPS Lindung ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Dan Cabaran Norma Baharu”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Tarikh: 24 Disember 2020